

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
JABATAN PERTANIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN



No. Sebutharga : PPN.KDH (N) : 96 / 2020

TAJUK KERJA : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINI HAY BALER KE JABATAN PERTANIAN NEGERI KEDAH TAHUN 2020 .

Syarat-syarat Khas Sebutharga :-

1. Pelawaan adalah dibuka kepada Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 070303 serta Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
2. Dokumen Sebutharga boleh didapati di :-

**Bahagian Khidmat Pengurusan, Seksyen Kewangan,
Ibupejabat Jabatan Pertanian Negeri Kedah
Jalan Kuala Kedah,
Telok Chengai
06600 Kuala Kedah**

pada waktu pejabat mulai **27 Oktober 2020**. Borang boleh dibeli dengan harga **RM 10.00 (Ringgit Sepuluh Sahaja)**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk tunai.

3. **Pembekal adalah DIWAJIBKAN menghantar dokumen sebutharga sebelum tarikh tutup sebutharga ini. Penyebutharga yang tidak menghantar dokumen sebutharga TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
4. Harga bagi setiap item hendaklah meliputi semua kos termasuk kos penghantaran dan harga tersebut hendaklah sah selama 90 hari..
5. Pembekal yang berjaya perlu menghantar bekalan terus ke Bahagian Pentadbiran Khidmat Pengurusan, Ibupejabat Jabatan Pertanian Negeri Kedah.
6. Pembekal yang berjaya dalam sebutharga ini dikehendaki menyempurnakan bekalan mengikut pesanan Jabatan dalam tempoh **Tiga Puluh (30) hari** dari tempoh pesanan rasmi oleh Jabatan ini. Pembekal yang gagal berbuat demikian dengan alasan yang tidak memuaskan akan dikenakan tindakan “menggantung penyertaan” didalam sebutharga Jabatan ini dimasa hadapan serta diadukan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan selanjutnya.
7. Pihak Jabatan ini tidak semestinya menerima tawaran yang paling murah dan keputusan **Jawatankuasa Sebutharga** adalah muktamad.
8. Sebutharga ini akan **ditutup** pada **3 Novemober 2020 (Selasa)**. Semua dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat serta bertulis bilangan **No. Sebutharga** dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga di Ibupejabat Jabatan Pertanian Negeri Kedah, Telok Chengai, Kedah** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada hari tersebut.
9. Tawaran oleh pembekal hendaklah ditawar **pada harga bersih**.

s.k.

**Tuan Pengarah Pertanian Negeri.
Di Iklankan pada 27 Oktober 2020**


RAMLI BIN ABDUL RAHMAN, AMK., BCK.
Pengarah Pertanian Negeri
Jabatan Pertanian Negeri
Kedah Darul Aman.